

**SEMINAR SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-21
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2005.**

**TAJUK:
ASPIRASI RAKYAT DAN HARAPAN NEGARA
oleh:
Haji Junaidi B OKSN.Haji Mohd.Safar
Kampung Keriam, Tutong**

MUKADIMAH:

Tema pada tahun ini merupakan satu cetusan semangat nationalism yang diharapkan bagi melahirkan satu bangsa yang dihormati, disegani dan digalati.

Pada tiga tahun yang lalu sambutan Hari Kebangsaan ke -19 bertemakan. BANGSA BERILMU NEGARA MAJU merupakan sebuah impian atau aspirasi rakyat bagi membentuk sebuah negara yang maju lagi cemerlang. Pada tahun 2004 sambutan Hari Kebangsaan ka-20 bertemakan PATRIOTISME TERAS KETEGUHAN NEGARA. Menitikberatkan kesetiaan bernegara dan berbangsa. Dan pada tahun ini tema Hari Kebangsaan kali ke-21 berbunyi BERSEPADU MEMPERKASA MANDIRI BANGSA. Ketiga-tiga komponen tema ini memberikan kita gambaran jelas bahawa semangat BERSATU PADU semangat KESETIAAN BERNEGARA serta ditunjangi dengan bangsa yang BERILMU akan dapat melahirkan satu bangsa dan sebuah negara yang perkasa lagi terbilang. Tema ini perlu diterjemahkan secara realiti dan berterusan dalam usaha dan perjuangan menyusun dan memertabatkan bangsa dan mendaulatkan negara.

PENGHAYATAN SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN.

Sambutan Hari Kebangsaan adalah sebagai Mercu Tanda Kesyukuran setiap negara yang merdeka. Sesungguhnya sambutan demikian itu sangat relevan bagi membangkitkan semangat patriotisme di kalangan warga bangsa yang merdeka. Apa yang diharapkan ialah sambutan kemerdekaan tidak hanya sekadar bertindak memeriahkan sambutan kemerdekaan semata-mata tetapi perlu disususli dengan penghayatan dan tindakan sebenar. Di sebalik kemeriahinan itu berapa ramaikah warga bangsa Brunei (rakyat Brunei) yang benar-benar menghayati dan memahami erti sebuah kemerdekaan. Berapa ramaikah rakyat Brunei yang turut sama-sama mengibarkan Bendera Negara? Kalau begitulah calak yang terdapat pada hari ini, maka calak masa akan datang lebih merumitkan.

Mendapatkan kebebasan dan kemerdekaan memang hebat, namun tanggungjawab memimpin sebuah negara, mempertingkatkan darjat negara, mengekalkan keamanan dan keselamatan negara, penghayatan dan pengisian kemederkaan negara, adalah lebih rumit dan sulit. Perkara ini memerlukan pengorbanan dan perjuangan setiap warga bangsa. Merdeka memberikan kita keyakinan untuk berdiri sebaris dengan bangsa-bangsa lain di dunia global ini menyusun dan mengatur masyarakat dan negara yang lebih progresif.

Betapa sukar untuk mempertahankan kemerdekaan sama sukarnya untuk mengisi kebebasan dan kedaulatan kemerdekaan. Sebagai contoh sejarah telah membuktikan bahawa kemerdekaan dan kebebasan sesebuah negara boleh sahaja dicabuli bila-bila masa oleh pihak-pihak yang kuat dan agresif hanya disebabkan isu-isu yang remeh, maksudnya kedaulatan mana-mana negara mungkin tidak dihormati oleh orang lain. Rakyat harus sedar bahawa sekali memperolehi kemerdekaan tidak bermakna akan terus menjadi milik kita selama-lamanya. Justeru itu bangsa dan negara merdeka mesti kuat, berani, berilmu, kekuatan ekonomi yang mantap, masyarakat yang kukuh yang didasari dengan kekuatan agama yang unggul.

Kesemua impian rakyat dan harapan negara akan dapat dicapai jika kesemua prinsip wawasan falsafah Melayu Islam Beraja boleh dihayati sekiranya kita dapat melahirkan Model INSAN yang cemerlang, iaitu semua lapisan masyarakat tidak mengira pangkat status, bangsa dan keturunan menjadi penggerak, penjana dan nadi kapada bangsa dan masyarakat unggul.

ASPIRASI RAKYAT DAN HARAPAN NEGARA.

Aspirasi rakyat terlalu tinggi. Rakyat perlu kepada kemajuan, kesejahteraan dan kemewahan. Harapan negara pula mahu melahirkan rakyat yang setia, jujur, kritikal dan berilmu. Antara aspirasi, kehendak rakyat dan harapan negara mesti ada keseimbangan sama ada dalam soal membentuk ketamadunan, pembangunan dan kemajuan yang bersifat komprehensif, ia harus didasari dengan mengabungkan elemen kecemerlangan yang berteraskan aspek fizikal dan spiritual dunia dan ukhrawi.

Dalam menunaikan hasrat dan aspirasi rakyat banyak kejayaan yang sudah diraih dan pembangunan berterusan telah sedang dan akan terus dilaksanakan bagi memberikan rakyat merasai nikmat kemerdekaan. Seharusnya kita merasa megah selepas 21 tahun merdeka. Kita mengurus sendiri, kita membuat dasar sendiri, kita memilih orang sendiri untuk mentadbir dan memerintah, ini merupakan amanah dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara. Orang yang bijaksana tidak merasakan apa yang disumbangkannya itu **merupakan kepuasan**, kerana ruanglingkup yang ada sentiasa berubah mengikut suasana politik semasa, iklim ekonomi yang mencabar, struktur masyarakat sering digugat, perkembangan pantas ICT dan dunia keilmuan yang sentiasa berkembang. Semua ini menuntut warga bangsa dan negara bertindak pantas cepat dan tepat supaya tidak ketinggalan dalam arus perdana dunia.

PEMIMPIN DAN KEPIMPINAN.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud bermaksud. "Jikalau Allah inginkan supaya sesuatu bangsa itu sejahtera, maka Tuhan memberikan bangsa itu pemimpin yang baik" Pemimpin sebagai Pengerak, Penjana, Pejuang dan *role model* adalah elemen penting yang memacu kemajuan, pembangunan kesejahteraan

rakyat dan negara. Di bahu PEMIMPIN dan KEPIMPINAN terletaknya amanah dan tanggungjawab itu. Maka pemilihan pemimpin sebagai khalifah Allah adalah amat rumit. Sifat-sifat kepimpinan harus ditunjangi dengan kejujuran, kerajinan serta kesungguhan, berwawasan, proaktif, dan kreatif, bersedia menerima teguran dengan sikap terbuka dan menyuburkan budaya demokrasi. Sifat-sifat ini adalah nadi penggerak utama kepada Pembangunan bangsa, negara dan agama sesuai dengan tema Bersepadu, Memperkasa Mandiri Bangsa iaitu berkerjasama secara bersepadu dan berpasukan kearah pembinaan sebuah negara yang progresif.

Jujur dan setia sahaja tidak cukup jika pemimpin tidak proaktif dan kreatif dalam melaksanakan program kempimpinan yang diamanahkan mengikut bidang dan profesion masing-masing. Perancangan sahaja tidak memadai, yang penting ialah hasil dan keberkesanan perancangan yang memberi manfaat kepada bangsa dan negara. Setiap rakyat akan memberi penilaian secara langsung atau tidak langsung, **setiap gerak-geri kepimpinan, kecekapan komunikasi, perancangan pembangunan, hasil keberkesanan perancangan, ketelusan, kewibawaan dan perubahan minda yang futuristik, yang bersifat proaktif dan inovatif** yang sentiasa melihat kejayaan masa depan yang cemerlang. Wawasan tersebut hanya boleh dicapai dengan adanya Pemimpin yang mempunyai **Minda Besar** yang mampu melahirkan idea bernes, demikian petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut Hari Kebangsaan kali ke-20 tahun lalu. Semua ini akan diteropong oleh rakyat yang dipimpin.

Sesungguhnya pemilihan pemimpin adalah perkara yang amat serius dan sukar, kuat pemimpin teguhlah tonggak, gagahlah bangsa. Lemah pemimpin, goyahlah tonggak layulah bangsa. Usaha membangun dan membina bangsa dan negara bukan terletak semata-mata di-bahu Kerajaan tetapi semua warga bangsa Brunei ikut bersama-sama bertanggung jawab dan memberikan sumbangan kepada **bangsa dan negara**. **KDYMM telah mengurniakan titah sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-21 antara lain menyebutkan bahawa nilai proaktif untuk mengejar kemajuan amat diperlukan oleh sebuah negara. Kerana tanpa sikap maju serta prihatin kepada negara hanya akan kekal ditakuk yang lama atau ia mestilah bersedia menerima celaan.**

Maka perjuangan mengisi kemerdekaan sesungguhnya lebih mencabar berbanding perjuangan mendapatkan kemerdekaan. Kita tidak dilatih oleh penjajah untuk menjadi pemimpin. Kita dilahirkan menjadi pemimpin melalui keyakinan berdasarkan kepercayaan keilmuan, dan memenuhi sifat-sifat kemimpinan dengan tanggung jawab dan amanah kapada bangsa dan negara. Untuk mengisi kemerdekaan dan membangun negara terletak di bahu pemimpin. Jika mereka gagal, kemerdekaan akan gagal.

HALA TUJU PEMBANGUNAN NEGARA.

Pembangunan negara dan pembinaan bangsa adalah menjadi agenda utama Kerajaan. Perancangan **Proaktif** negara dapat dilihat daripada susunan Program Rancangan Kemajuan Negara dari penggal pertama hingga kelapan.

Sejak kita merdeka selama 21 tahun usaha berterusan dan progresif telah dimulakan dari Rancangan Kemajuan Negara Pertama bagi tempoh tahun 1953-1958 iaitu era sebelum merdeka sehingga Rancangan Kemajuan Negara ke-8 bagi tempoh tahun 2001 yang akan berakhir pada tahun 2005.

Program Rancangan Kemajuan Negara merupakan **WAWASAN** yang proaktif kerajaan yang jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam bagi menjana kemajuan negara ke tahap yang lebih tinggi. Peruntukan yang disediakan dalam program kemajuan Negara bermula dari rancangan ke-5 sejak merdeka adalah seperti berikut:

Program RKN ke-5 telah memperuntukkan sebanyak 3.7 billion.(1986-1990)

Peruntukan bagi RKN ke-6 disediakan sebanyak 5.509 bilion.(1991-1995)

Peruntukan yang agak tinggi disediakan bagi RKN ke-7 sebanyak 7.2 bilion.(1996-2000)

Dan peruntukan bagi RKN ke-8 ialah sebanyak 7.3 bilion.(2001 -2005)

Matlamat utama program yang dirancangkan dalam RKN adalah bagi membangun, membina memperkasa dan menjana serta memertabatkan negara dan setiap bangsa Brunei supaya mencapai taraf kehidupan negara dan bangsa yang maju makmur, perkasa dan bahagia. Program RKN ini saya istilahkan sebagai **WAWASAN** yang proaktif, dinamik, progresif dan inovatif yang mempunyai impian dan halatuju bagi membangun bangsa dan negara untuk menjadikan Perkasa dan Mandiri Bangsa.

TINDAKAN AMALAN DAN DASAR PROAKTIF KERAJAAN.

Rakyat dan masyarakat memberikan sanjungan yang amat tinggi atas keprihatinan dan kepekaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam melakukan amalan **PROAKTIF-TURUN PADANG** semata-mata bukan hanya menghubungkan dan mendampingi rakyat tetapi juga jentera kerajaan dan sektor swasta melihat secara dekat akan kemajuan dan rintihan rakyat yang memerlukan sebarang perubahan yang munasabah.

Begitu juga dengan pengurniaan titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menyentuh dan merangkumi soal-soal pembangunan kerohanian dan keugamaan, pembangunan masyarakat, Perubahan Minda, Politik, Ekonomi, hubungan Antarabangsa dan lain-lain. Satu contoh khusus ialah mengenai Pembacaan Al-Quran yang

telah dititahkan pada 3 Oktober 1992 iaitu melahirkan rakyat dan penduduk serta generasi Islam Negara Brunei Darussalam menjadi rakyat yang celik Al Quran. Disusuli dengan Titah Baginda pada 3hb Oktober 1992 “**Bahawa orang-orang Islam diNegara Brunei Darussalam ini dengan tidak mengira apa juga peringkatnya dan pangkatnya, kedudukannya , adalah pandai Membaca AlQuran.**”

Menghayati **Amalan Turun Padang** dan melaksanakan Titah-Titah yang pernah dikurniakan oleh Ketua Negara yang ditakrif sebagai **DASAR** perlu dilaksanakan oleh semua peringkat terutama sekali kepada mereka yang bergelar Pemimpin dari semua peringkat kedudukan, status, dan jawatan masing-masing. Jika amalan ini dilaksanakan sebaik mungkin oleh semua lapisan Kepimpinan, iaitu Kepimpinan melalui Teladan. Kita yakin dan percaya Semangat Bersepadu, terus Perkasa dan sudah tentu kita dapat membangun Mandiri Bangsa yang sempurna.

1. Apakah **Amalan turun Padang** itu dapat disusuli atau dipelopori oleh pemimpin-pemimpin lain termasuk pemimpin-pemimpin akar umbi, mereka yang dianugerahkan gelaran, Ahli-Ahli Yang Berhormat dan lain-lain.
2. Apakah *follow -up* atau tindakan yang diambil oleh jentera Kerajaan dan lain-lain agensi dari hasil lawatan baginda itu?.
3. Berapa ramaikah sudah orang Melayu Islam kita selain murid-murid sekolah yang sudah tahu dan pandai membaca Al Quran?
4. Berapa ramaikah orang-orang Melayu Islam kita bermesra dengan Masjid pada waktu-waktu Maghrib, Isa dan Subuh bagi menyemarak Masjid sebagaimana yang pernah dititahkan?

RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA – TINJAUAN RINGKAS DAN PERLAKASANAAN.

Apakah matalamat dan strategi RKN didasarkan pada orientasi teori yang tepat?

Apakah andaian RKN berdasarkan realiti. ?

Apakah andaian RKN dapat dilaksanakan sepenuhnya?

Inilah antara persoalan yang mungkin memerlukan satu penilaian semula atau kajian supaya apa jua yang dirancang akan menepati sasaran.

PETUMBUHAN EKONOMI MAMPAN.

Kekukuhan ekonomi adalah teras kekuatan politik. Kestabilan politik menentukan survival bangsa. Ekonomi negara mengalami pertambahan yang baik dan adakalanya merudum.

Pada tahun 2000 hasil negara mencatatkan pendapatan yang tertinggi, iaitu pada kadar 5.084 bilion dibandingkan pada tahun 2003 hanya memperolehi 2,532 bilion. Manakala perbelanjaan pada tahun yang sama ialah 4.196 bilion dan 1.976 bilion. Pada tahun 2004 lepas Negara Brunei Darussalam mendapat kelebihan pendapatan sebanyak \$551 juta. Melihat akan trend ini, bahawa pengurusan kewangan negara dikawal dengan begitu baik secara cermat dan berhemah. Walau bagaimanapun persoalan yang timbul ialah:

Apakah strategi pembangunan kita menemui sasaran yang betul dan memenuhi keperluan bagi mengangkat dan memertabatkan bangsa dan negara?

Apakah wang yang diperuntukkan misalnya sejumlah kewangan peruntukan RKN ke-8 sebanyak 7.30 bilion dan RKN ke-7 sebanyak 7.2 bilion itu telah dibelanjakan mengikut perancangan pembangunan yang digariskan?

Mengapakah jumlah keramaian pengangguran semakin bertambah sejak 1995 hingga September 2004 berjumlah purata hampir 6,000. (Lampiran 1).

PERKERJAAN DAN PENGANGGURAN.

Meskipun dikatakan NBD mempunyai pertumbuhan ekonomi yang baik, tetapi keupayaan bagi mengatasi pengangguran dan pasaran kerja masih menghantui para belia dan remaja negara ini. Sektor swasta dan sektor awam tidak dapat menampung pasaran kerja jika dilihat dari trend jumlah pengangguran semakin bertambah. Kemungkinan ini adalah disebabkan penarikan pelaburan asing ke negara kita tidak mengalakkkan, pertumbuhan industri tempatan dan produk tempatan tidak dapat bersaing dipasaran antarabangsa, atau tidak ada domestik produk yang mampu dipasarkan. Ini menyebabkan peningkatan pendapatan negara tidak berkembang. Saya suka mengambil petikan ucapan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada 5hb Januari 2005 di majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Mengenai Isu-Isu Kontemporari Dalam Pembangunan Ekonomi Kecil yang disampaikan di dewan Cancellor UBD menyatakan "**Kita bukannya kurang wawasan atau agenda untuk maju ke hadapan yang membawa negara ke tahap yang unggul bahkah kegagalan untuk menyampaikan, melaksanakan dan menjalankannya**".

Jadi apakah faktor yang menghalang perkembangan pertumbuhan ekonomi ini? Kewangan yang tidak cukup atau tidak ada keyakinan untuk bersaing? Brunei selalu menyebutkan bahawa Brunei yakin. Untuk itu strategi baru perlu diciptakan.

1. Meningkatkan pelaburan tempatan di dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan.
2. Mengenal pasti dan menerokai bidang baru dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan, sesuai dengan dasar mempelbagaikan ekonomi negara secepat yang mungkin bagi mengurangkan pergantungan 90% dari komoditi keperluan harian kehidupan rakyat Brunei dari luar negeri.

3. memberikan peluang yang sebaiknya, membantu para peniaga dengan menubuhkan skim pinjaman khas (kredit modal) untuk menjadikan ahli koperat Melayu yang berjaya.

Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh RKN ke-8 lebih 18,000 peluang pekerjaan disediakan untuk anak tempatan hingga 2005 (*Pelita Brunei* keluaran 19. Disember 2001). Sektor pelancongan sahaja telah menjanjikan sebanyak 1,000-1,500 perkerjaan sedang menunggu sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ketua Pengarah Sekretariat Majlis Ekonomi yang dilaporkan oleh *Pelita Brunei* keluaran 2 Ogos 2000. Dalam hubungan ini berapa orangkah belia-belia yang menganggur telah mengisikan peluang pekerjaan yang telah dijanjikan? Sepertimana yang telah ditekankan oleh Kerajaan dalam satu sidang khas Masa Depan Ekonomi Brunei pada 18hb April, 2002 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, bahawa Kerajaan sedang berusaha mempercepatkan proses kepelbagaian ekonomi yang telah dirancang, nampaknya kurang mendapat hasil yang diharapkan. Oleh sebab itu peluang perkerjaan yang dirancangkan menemui kegagalan.

Baru-baru ini Kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan 7 billion ringgit bagi membiayai 764 projek. Manakala projek amonia/Urea dan Methanol di Sungai Liang Brunei akan dapat menarik modal pelaburan asing langsung sebanyak 4.5 bilion sudah tentu harapan menyediakan peluang perkerjaan untuk anak-anak tempatan akan terbuka luas. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi telah mengeluarkan iklan pada 21 Disember 2003 dengan menawarkan 481 jenis perkerjaan sebagai skim lanjutan kemahiran, berapa orangkah belia kita yang telah menyahut seruan itu? Apakah sikap memilih kerja masih menjadi penghalang besar dalam mengatasi pengangguran ini? Apakah semua laporan yang disebutkan di atas telah menjadi kenyataan? Jika jawapan "ya" negara dan bangsa kita akan menjadi negara dan bangsa yang perkasa.

BUDAYA MENGUASAI ILMU.

Islam mendorong umatnya mencari bukan sekadar ilmu, melainkan ilmu yang bermanfaat, kerana pencarian intelektual tidak dapat dipisahkan daripada etika dan ia harus ditempatkan dalam arus kehidupan spiritual. Proses ini perlu bagi mengembangkan potensi melahirkan insan kamil. Pelaburan secara besar-besaran dalam bidang pendidikan boleh membawa negara dan bangsa berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain yang telah lebih maju dari kita.

Jumlah keseluruhan murid dan penuntut termasuk peringkat Universiti pada tahun 2002 ialah sebanyak 102,762 dan pada tahun 2003 berjumlah 103,682. Universiti Brunei Darussalam sahaja pada tahun 2003 ialah 1,691. Begitu juga keramaian penuntut yang gagal di peringkat sekolah menengah dan rendah mencapai peratus yang meningkat.

Drop out ini menambahkan lagi jumlah pengangguran sekali gus menimbulkan gejala sosial dalam jangka panjang

Sistem pendidikan Negara Brunei Darussalam amat baik meskipun perubahan demi perubahan telah dibuat sehingga sampai kepada satu tahap orang ramai merasa gelisah mengenai sistem Bersepadu yang baru diperkenalkan. Apa yang penting ialah fokus negara terhadap sistem pendidikan ialah bagi melahirkan manusia yang cemerlang dengan melengkapkan bangsa Brunei dengan kepelbagaiannya ilmu pengetahuan, kemahiran, daya keterampilan, akhlak mulia, serta bertakwa. Kita ingin mengharapkan setiap satu keluarga akan dapat melahirkan sekurang-kurang seorang atau lebih anak yang cemerlang dalam bidang-bidang yang dikuasai oleh bangsa asing, seperti doktor, peguam, saintis dan lain-lain yang boleh mengusai bahasa Inggeris, atau bahasa lain yang utama yang dapat diterima oleh pasaran antarabangsa.

Berapa ramaikah bangsa Brunei yang hingga masa ini mendapat kelulusan Sarjana kedoktoran perubatan atau specialis mahupun Peguam atau para saintis? Berbanding kebanyakannya lulus dalam bidang Arts atau sastera. Hasrat melahirkan bangsa Brunei menguasai ilmu bukan hanya untuk pasaran dalam negara tetapi dapat diterima dan bersaing bagi merebut pekerjaan di peringkat regional dan antarabangsa., terutama sekali apabila pasaran kerja domestik sudah dipenuhi.

Berapa ramaikah penuntut-penuntut dan murid-murid Melayu yang dapat kejayaan cemerlang umpamanya mendapat 15A dalam mata pelajaran O atau A level. Pelajar Melayu yang cemerlang dalam Matematik, bahasa Inggeris, Sains atau mata-mata pelajaran yang *core* subjek. Berapa ramai murid atau penuntut yang tercincir atau gagal dalam peperiksaan? Semua indeksi ini, memberi petunjuk bahawa sesuatu usaha perlu dibuat dengan keyakinan dan usaha yang lebih daripada semua pihak.Slogan Brunei boleh jangan hanya menjadikan kita bangga dalam situasi yang kosong.

Arus kebangkitan modenisasi dan pertembungan budaya barat dan timur menuntut setiap warga penuntut menyediakan diri mereka dengan potensi yang lebih menyakinkan umpamanya:

1. Manfaatkan segala institusi keilmuan menjadikan mereka sebagai *Think Tank*.
2. Memperkayakan diri dengan kemahiran dan memanfaatkan teknologi yang ada.
3. Harus mampu mengambil model terbaik daripada kalangan tokoh-tokoh ilmuan dan sarjana intelektual.
4. Kritikal terhadap wawasan, cita-cita dan inspirasi bangsa dan negara.
5. Menjauhkan diri dari miskin jiwa serta malas mencapai kejayaan cemerlang.

KEPIMPINAN AKAR UMBI.

Satu aspek yang tidak kurang penting dalam merealisasikan tema Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa ialah peranan dan tanggungjawab **Institusi Kepimpinan Akar Umbi** badan-badan NGOS untuk mengangkat dan memertabatkan bangsa dan negara.

1. MAJLIS PERUNDINGAN MUKIM DAN KAMPUNG.

Sebanyak 45 buah Majlis Perundingan Mukim dan 145 buah Majlis Perundingan Kampung seluruh negara. Jumlah institusi ini memberi impak yang besar ke atas Pembangunan di peringkat akar umbi bagi membantu negara dan kerajaan. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Banginda Sultan telah mengurniakan titah di majlis Perasmian Perhimpunan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seluruh negara pada 26 Mei, 1996 yang telah mengariskan antara lain:

- i. Majlis perundingan Mukim dan Kampung adalah suatu manifestasi yang jelas mengenai bagaimana kita mengurus, mengatasi dan menghuraikan masalah secara berunding atau bermuafakat.
- ii. Untuk memupuk semangat kewarganegaraan yang baik dan untuk merancang serta mengusahakan perkara-perkara bagi kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Begitu juga berapa banyak peranan dan arahan telah dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan yang menekankan betapa penting peranan pemimpin akar umbi seperti Penghulu dan Ketua Kampung bagi sama-sama membangun negara dan menyusun masyarakat di bawah pimpinan masing-masing.

Antara saranan yang diucapkan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa Perjumpaan Penghulu-penghulu dan Ketua Kampung di mukim Lumapas (keluaran *Pelita Brunei* 30 April 2003) menekankan " Penghulu dan Ketua Kampung **perlu peka dan Proaktif, sifat pemedulian dan berinitiatif** demi kesejahteraan dan kebajikan anak-anak kampung. Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri di upacara penyerahan sijil ketua kampung Pancong pada bulan Oktober 2003 telah mengesahkan supaya penghulu dan ketua kampung **turun padang, komited dan sentiasa bermuzakarah** dengan anak-anak buah yang dipimpin. Beliau seterusnya menyarankan semasa majlis penyampaian sijil lantikan Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau pada 28 Ogos 2004 supaya penghulu-penghulu dan ketua kampung **merangka Peta Jalan** bagaimana cara memajukan kampung seperti mengadakan program-program, aktiviti-aktiviti, menyediakan penjadualan kerja dan kerja-kerja pemantauan, kemahiran menyampaikan maklumat ke peringkat akar umbi.

Persoalannya, sejauh manakah efektifnya institusi ini? Berapa banyak mesyuarat dengan anak buah telah dilakukan? Berapa aduan dan masalah yang telah didokumentasikan dan disampaikan? Bagaimanakah sistem komunikasi di peringkat mukim dan kampung berjalan? Sejauhmanakah mereka mengetahui tentang Rancangan Kemajuan Negara, falsafah Melayu Islam Beraja, sistem dan struktur pemeritahan Negara? Apakah persediaan Peta Jalan, program kerja, program pembangunan kemasyarakatan dibuat seperti yang disarankan?

Semua ini perlu satu pernilaian semula. Dari jumlah 185 Majlis perundingan Mukim dan Kampung berapa buah sahaja yang cergas dan menunaikan tanggungjawab seperti yang diharapkan oleh kerajaan.

Kita tidak dapat menafikan ada Institusi Mukim dan Kampung bergerak cergas seperti Perundingan Mukim Kampung Bunut bersepadau tenaga dengan Jawatankuasa Masjid, Persatuan telah menampakkan hasil usaha mereka seperti program Bantuan Bencana Tsunami dan lain-lain. Majlis Perundingan Mukim Dato Gandhi telah merangka 40 projek kemasyarakatan bagi tahun 2005 dan lain-lain mukim lagi yang saya tidak dapat sebutkan satu persatu.

2 BADAN – BADAN BUKAN KERAJAAN - NGO.

- i. Persatuan Persatuan Belia.
- ii. Persatuan Kejiraninan Kampung
- iii. Persatuan Ladang Komunal.
- iv. Badan-Badan Koperasi.

Negara Brunei Darussalam mempunyai berbagai-bagai badan NGO yang mempunyai matlamat unggul sebagaimana yang digariskan dalam Matlamat Dasar Belia Negara iaitu: MEWUJUDKAN BELIA BRUNEI CEMERLANG” dengan merangkumi nilai-nilai kesetiaan yang berdasarkan **Perlembagaan** dan falsafah negara **Melayu Islam Beraja**. Melahirkan warga bangsa yang patriotik beriltizam dan berwawasan.

- i. Pertubuhan Persatuan-Persatuan Belia seluruh negara berjumlah 220 buah (1964 -1984) tetapi pada masa ini hanya 1/3 (70 buah) masih hidup dan hanya beberapa buah sahaja yang dikenal pasti masih aktif. Majlis Belia Negara dan Majlis Belia Daerah juga tidak begitu terserlah hanya sekali sekala berjaya membuat program-program kecil. Tidak seperti tahun-tahun 60n-70n seperti seminar, kursus-kursus, lawatan -lawatan dan program-program lain. Di manakah letaknya kelemahan ini?
- ii. Persatuan Kejiraninan Kampung yang mempunyai jumlah yang agak besar, menampakkan kelesuan malah tidak lagi kedengaran kegiatan-kegiatan dan program-program keselamatan kampung dilakukan. Sedangkan masalah keselamatan kampung masih menjadi isu yang sering berlaku seperti kecurian dan sebagainya. Apakah pengurusan dan pentadbiran Persatuan Kejiraninan ini masih relevan kepada masyarakat dan negara?

- iii. Persatuan Ladang Komunal yang ditubuhkan begitu aktif dalam lingkungan tahun 80-an tetapi telah tidak kedengaran lagi setelah memasuki tahun 90-an. Apakah kedudukan Ladang-ladang Komunal ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi menaikkan taraf hidup petani di luar bandar telah tercapai atau tidak? Berapa banyakkah sudah hasil yang berjaya dikeluarkan dari projek ini untuk menembusi pasaran domestik atau luar negara? Apakah status tanah-tanah yang diberikan kepada peserta peladang berkenaan? Adakah jawatankuasa separuh kerajaan ini masih berfungsi, dan relevan?
- iv. Badan-Badan Koperasi di seluruh negara dianggarkan berjumlah lebih 120 buah dengan bayaran modal jutaan ringgit. Kewujudan badan-badan koperasi adalah dihasratkan memupuk semangat kerjasama bermasyarakat, gotong-royong dan membangun taraf ekonomi desa bagi mewujudkan keharmonian hidup berkampung. Aktiviti koperasi bukan sahaja berniaga kecil-kecilan malah seharusnya berkembang menjadi sebuah pertubuhan yang bertaraf koperat. Hasrat utama koperasi ialah setiap ahli akan menikmati hasil dari pelaburan yang dilaburkan. Dalam budaya Melayu sekali perniagaan yang berorientasikan koperasi jatuh bankrap selama-lamanya orang Melayu tidak akan bangkit lagi. Maka pengurusan, pentadbiran, kecekapan dan pemantauan agensi yang berkenaan perlu dilakukan oleh pemimpin sebagai teras utama dalam pengendalianya.

Era tahun 90-an dan hingga kini ternampak Badan-Badan Koperasi hanya sedikit bilangan yang mencapai tahap kemajuan yang dibanggakan. Malah lebih banyak yang menunggu untuk gulung tikar, hidup segan mati tak mahu. Berapa banyakkah koperasi yang tergolong dalam kategori ini? Apakah langkah-langkah kerajaan bagi menangani fenomena ini? Sebab dan punca berlaku demikian? Adakah kita tahu bahawa berapa banyak Badan Koperasi yang gagal atau tidak mengadakan Mesyuarat Agong Tahunan dan tidak dibentangkan kunci kira-kira untung rugi? Kekhuatiran timbul jika koperasi Melayu ini rebah untuk bangun semula amat sulit dan rumit. Cita-cita membangun Perniagaan Kecil dan Sederhana akan mencatat sejarah usang.

MAJLIS MESYUARAT NEGARA.

Salah sebuah Majlis Mesyuarat yang paling dihormati ialah Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 25 September 2004.

Antara kandungan titah sulung Baginda menekankan:

- i. Majlis Mesyuarat Negara menjadi wadah menyalurkan pendapat dan pandangan.
- ii. Mengukuhkan Institusi Pemerintah Beraja.
- iii. Meningkatkan hubungan Kerajaan dengan rakyat
- iv. Penglibatan Rakyat membangun Negara.

Harapan ini dijelaskan lagi bahawa **Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang dihormati yang berfungsi sebagai forum perbincangan yang benar-benar membina bukan perkara –perkara yang remeh, yang sentiasa menjadi perhatian rakyat dan masyarakat antarabangsa.”**

Rakyat menaruh harapan yang amat tinggi menilai dengan penuh hati-hati, agar majlis ini juga akan dapat memainkan peranan yang unggul yang boleh mencapai hasrat menjadikan Rakyat dan Negara Bersepadu, Memperkasa Mandiri Bangsa. Usaha yang terpuji ialah Amalan Turun Padang menemui rakyat tanda undangan, bersedia menyampaikan maklumat tentang suasana kenegaraan, politik semasa, Perancangan Kemajuan Negara, falsafah Melayu Islam Beraja, dan lain-lain isu, di samping berupaya menyampaikan kepada kerajaan usul-usul, cadangan dan pandangan rakyat. Ini ialah antara aspirasi rakyat dan harapan negara yang dahagakan kemajuan berbangsa, bernegara dan bermasyarakat. Kita sentiasa diteropong dari jauh dan dekat.

RUMUSAN DAN KESIMPULAN.

Untuk merealisasikan Penghayatan tema Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa dalam memenuhi Impian Rakyat dan Harapan negara harus berfokus pada keazaman setiap PEMIMPIN yang diberikan amanah, sama ada yang dilantik kerana ilmunya atau terpilih dalam berbagai-bagi bidang, status dan peringkat sentiasa akan menyedari bahawa tanggungjawab masing-masing terhadap warga bangsa itu amat berat. Kesedaran keatas kelemahan diri, ketidakupayaan dalam kepimpinan hanya boleh melemahkan hidup berbangsa, bernegara dan berkerajaan.

Kejayaan melaksanakan aktiviti sektor ekonomi yang mampan, suasana politik yang stabil, ciri-ciri kepimpinan yang berwawasan, menghidupkan budaya berilmu, peranan kepimpinan akar umbi adalah antara faktor-faktor penting perlu diwujudkan secara bersepadu supaya aspirasi bernegara, bermasyarakat, berbangsa dan berkerajaan akan dapat dicapai atas landasan kesedaran setiap individu membangun negara dan bangsa dengan melaksanakannya secara serentak dan berkesenimbungan.

Peribahasa:

Biar lambat asal selamat perlu diubah Biar cepat asal selamat.

Sehari selembar benang lama-lama jadi kain diubah kepada Sehari seribu benang besok menjadi kain.

Seguni tidak akan jadi sekarang, semut di batu lagikan makan. Perlu diubah Seguni akan menjadi Gedong semut dibatu akan mati kelaparan.

Falsafah ini memberikan kita rancangan dan cabaran supaya bangsa dan masyarakat akan sentiasa berlumba-lumba mencari dan mencapai kecemerlangan bagi memperkasa untuk Mandiri bangsa.

**JUMLAH PENDAFTARAN AKTIF PENCARI-PENCARI KERJA MENGIKUT
JANTINA BAGI SETIAP PENGHUJUNG TAHUN.**

TAHUN	JANTINA		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	
1995	1,659	2,718	4,377
1996	1,929	3,118	5,047
1997	2,180	3,455	5,635
1998	2,611	3,846	6,457
1999	2,256	3,188	5,444
2000	3,004	4,609	7,613
2001	3,252	5,306	8,558
2002	2,120	3,432	5,552
2003	3,060	4,015	7,075
2004 (SEPT)	2,913	4,126	7,039